



SK. DATO' PANGLIMA BUKIT GANTANG

UASA TAHUN 2023

TAHUN 6

NAMA : \_\_\_\_\_

KELAS: \_\_\_\_\_

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

BAHAGIAN A

OKT

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
  2. Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam kedua-dua bahagian ini.
  3. Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** diikuti oleh **empat** pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.
  4. Bagi **Bahagian B**, jawab **semua** soalan dalam ruang jawapan yang disediakan. Ceraikan Bahagian B daripada kertas peperiksaan ini.
-

## BAHAGIAN A

[ 20markah ]

## Soalan 1 hingga Soalan 11

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong \_\_\_\_\_ untuk menganugerahkan bintang kebesaran sempena hari keputeraan baginda baru-baru ini.
  - A. berdaulat
  - B. berkenan
  - C. bercemar
  - D. bersemayam
2. "Maaf Shanti, aku tidak dapat mengikut \_\_\_\_\_ ke perpustakaan kerana menolong ibu menjaga gerai," kata Ai Ling kepada Shanti.
  - A. dia
  - B. aku
  - C. kamu
  - D. mereka
3. Puan Sutai telah bekerja di Pejabat Pos Laju Sarikei \_\_\_\_\_ sepuluh tahun yang lalu.
  - A. dari
  - B. sejak
  - C. hingga
  - D. daripada
4. Para pengawas \_\_\_\_\_ akan menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi.
  - A. berucap
  - B. berikrar
  - C. berpesan
  - D. berwasiat
5. Anda perlu membawa kad pengenalan \_\_\_\_\_ sekeping gambar berukuran passport.
  - A. dan
  - B. lalu
  - C. kecuali
  - D. hingga
6. Pasukan bola sepak sekolahnya gigih jalani latihan. \_\_\_\_\_ mereka gagal menjuarai pertandingan itu.
  - A. Oleh itu
  - B. Selain itu
  - C. Lebih – lebih lagi
  - D. Namun demikian

7. Penyambut tetamu itu tidak memperdulikan saya \_\_\_\_\_. saya telah lama berdiri di situ.
- A. walhal
  - B. sebaliknya
  - C. oleh sebab itu
  - D. tambahan pula
8. Baju yang dibeli oleh ibu di Bukit Alma itu sangat labuh. Pilih **perkataan antonim** bagi labuh.
- A. panjang
  - B. lonjong
  - C. singkat
  - D. rendah
9. Ayah mengusir kucing yang cuba menyelongkar tong sampah di halaman rumah. Kata **seerti** dengan perkataan bergaris adalah \_\_\_\_\_.
- A. memukul
  - B. menghalau
  - C. menyergah
  - D. mengheret
10. Encik Dennis \_\_\_\_\_ peletakan jawatannya semasa mesyuarat ahli jawatan kuasa semalam.
- A. melaporkan
  - B. merasmikan
  - C. mengucapkan
  - D. mengumumkan
11. Kawasan taman permainan kanak-kanak itu teduh kerana dikelilingi \_\_\_\_\_ yang rendah.
- A. kekabu
  - B. dedaun
  - C. pepohon
  - D. kekacang
12. \_\_\_\_\_ anggota masyarakat suka membuang sampah sarap ke dalam sungai.
- A. Sesetengah
  - B. Berapa
  - C. Setengah
  - D. Semua
13. Apa yang disampaikan oleh penceramah itu semuanya \_\_\_\_\_.
- A. pendek akal
  - B. masuk akal
  - C. terencat akal
  - D. panjang akal

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

14. Mak Zaiton mempelawa tetamunya supaya makan kerepek pisang itu.
- A. Tetamu Mak Zaiton dipersilakan makan kerepek pisang itu.
  - B. Tetamu serta Mak Zaiton dipelawa makan kerepek pisang itu.
  - C. Mak Zaiton dipelawa oleh tetamu agar makan kerepek pisang itu.
  - D. Tetamu dipelawa oleh Mak Zaiton untuk makan kerepek pisang itu.

Pilih ayat-ayat yang **betul**

- 15.
- I. Bila hujan teduh, awak boleh balik.
  - II. Telefon bimbit itu ada pada ibunya.
  - III. Kita akan bertemu pada hari raya nanti.
  - IV. Setengah pelajar yang hadir hari ini menunggang basikal.
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. III dan IV
  - D. I dan IV
- 16.
- A. Saya bukan yang memecahkan pasu bunga itu.
  - B. Barang-barang yang dijual di kedai itu bukan mahal.
  - C. Bukan salah jika kita melanjutkan pelajaran keluar negara.
  - D. Hadiah di atas meja itu bukan untuk adik, tetapi untuk kakak.

**Soalan 17 hingga 20**

Baca petikan di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Laporan Hari Keluarga  
Sekolah Kebangsaan Orang Kaya

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Orang Kaya telah menganjurkan Hari Keluarga bertempat di padang sekolah pada hari Ahad yang lalu.

Hari Keluarga itu diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara ibu bapa, guru, kakitangan sekolah dan murid sekolah. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menyahut seruan kerajaan untuk mengutamakan keluarga melalui kempen "Utamakan Keluarga".

Pada hari tersebut, terdapat banyak aktiviti dijalankan. Antaranya, aktiviti sukaneka. Aktiviti sukaneka yang diadakan melibatkan semua pihak, ibu bapa, guru, kakitangan sekolah dan murid. Para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk melancarkan program yang dirancang.

Antara acara yang dijalankan dalam aktiviti sukaneka ialah berlari di dalam guni, mengisi air ke dalam botol, memancing botol, membawa bola ping pong di dalam sudu dan banyak lagi. Para peserta bekerjasama, **bagai aur dengan tebing** dalam menjayakan program pada hari tersebut.

Selain itu, persembahan pentas turut diadakan oleh murid-murid. Ibu bapa dan guru dijemput untuk menyaksikan persembahan tersebut yang diadakan selepas waktu tengah hari.

Menurut Guru Besar Sekolah Kebangsaan Orang Kaya, program seperti ini perlu dijalankan pada setiap tahun. Hal ini dikatakan demikian kerana program ini bukan sahaja dapat merapatkan hubungan antara guru, ibu bapa dan murid, malah turut membentuk semangat kerjasama dalam kalangan murid sekolah untuk mewujudkan suasana yang harmoni di sekolah.

Hari Keluarga tersebut berakhir pada pukul 4:00 petang. Program diakhiri dengan pengumuman Anugerah Keluarga Bahagia yang dimenangi oleh keluarga Encik Rahman. Secara keseluruhannya, program ini Berjaya mencapai matlamatnya.

Laporan disediakan oleh,

28 APRIL 2017

Nurul Athirah  
( NURUL ATHIRAH BINTI ABDULLAH )  
Setiausaha,  
Hari Keluarga,  
Sekolah Kebangsaan Orang Kaya.

17. Program apakah yang dilaporkan dalam laporan tersebut?
- A. Hari Guru
  - B. Hari Kantin
  - C. Hari Keluarga
  - D. Hari Koperasi
18. Apakah tujuan program ini dijalankan?
- A. merapatkan hubungan antara murid dan guru
  - B. merapatkan hubungan antara ibu bapa dan guru
  - C. merapatkan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak
  - D. merapatkan hubungan antara ibu bapa, guru, kakitangan dan murid sekolah
19. **Bagai aur dengan tebing** dalam laporan bermaksud
- A. Berusaha untuk mencapai kejayaan
  - B. kejayaan datang dengan serta- merta
  - C. bekerjasama dalam melakukan sesuatu kerja
  - D. bersungguh-sungguh dalam membuat sesuatu kerja
20. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang laporan tersebut.
- A. Program ini dirasmikan oleh Encik Rahman.
  - B. Diadakan untuk menyambut seruan kerajaan, iaitu mengutamakan keluarga.
  - C. Bertujuan untuk merapatkan hubungan antara ibu bapa, guru, kakitangan dan murid sekolah.
  - D. Dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Orang Kaya.

**-SOALAN TAMAT-**

## JSU &amp; SKEMA JAWAPAN

## UJIAN PERCUBAAN UPSR DAERAH JULAU (AR 3)

## BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN (BAHAGIAN A)

| Nombor Soalan | Jawapan  | Aspek Bahasa/Petikan                    | Aras Soalan |
|---------------|----------|-----------------------------------------|-------------|
| 1             | <b>B</b> | Kata Adjektif (Sifat/Keadaan)           | S           |
| 2             | <b>C</b> | Kata Ganti Nama                         | R           |
| 3             | <b>B</b> | Kata Adjektif (Waktu)                   | S           |
| 4             | <b>B</b> | Kata Adjektif (Sifat/Keadaan)           | R           |
| 5             | <b>A</b> | Kata Tugas (Kata Hubung)                | R           |
| 6             | <b>D</b> | Kata Tugas (Penanda Wacana)             | R           |
| 7             | <b>A</b> | Kata Tugas (Penanda Wacana)             | S           |
| 8             | <b>C</b> | Kata Berlawanan                         | R           |
| 9             | <b>D</b> | Kata Seerti                             | T           |
| 10            | <b>D</b> | Kata Terbitan (Imbuhan Apitan Pelbagai) | R           |
| 11            | <b>C</b> | Kata Ganda (Separa)                     | R           |
| 12            | <b>A</b> | Penjodoh Bilangan                       | T           |
| 13            | <b>B</b> | Simpulan Bahasa                         | R           |
| 14            | <b>D</b> | Ayat Sama Maksud                        | R           |
| 15            | <b>B</b> | Ayat Penyata (Ayat Yang Betul)          | S           |
| 16            | <b>D</b> | Ayat Penyata (Ayat Yang Betul)          | T           |
| 17            | <b>C</b> | Petikan Fakta                           | R           |
| 18            | <b>D</b> |                                         | S           |
| 19            | <b>C</b> |                                         | S           |
| 20            | <b>A</b> |                                         | T           |

|                                |                  |
|--------------------------------|------------------|
| Bil. Soalan aras rendah (R)    | <b>10 soalan</b> |
| Bil. Soalan Aras Sedarhana (S) | <b>6 soalan</b>  |
| Bil. Soalan Aras Tinggi (T)    | <b>4 soalan</b>  |
| Jumlah                         | <b>20 soalan</b> |